

# RM100 juta diagih kepada agensi penguat kuasa - PM

Oleh MAISARAH  
SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Kerajaan memperuntukkan RM100 juta untuk diagihkan kepada semua agensi penguat kuasa tahun ini bagi tujuan perbelanjaan terutama mengukuhkan kelengkapan serta menyokong operasi penguatkuasaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ia sebagai menghargai komitmen dan usaha agensi penguat kuasa yang membantu meningkatkan hasil negara.

Menurut beliau, peruntukan tersebut akan disampaikan selewat-lewatnya Jumaat minggu depan.

“Insya-Allah, tahun 2024, kerajaan terus komited memperuntukkan peruntukan khusus mengambil kira prestasi kutipan hasil tambahan agensi



**ANWAR Ibrahim bergambar bersama kakitangan agensi penguat kuasa pada Program Cakna Madani bersama Perdana Menteri di Putrajaya, semalam.**

penguat kuasa.

“Saya juga meluluskan segera peruntukan RM4 juta bagi keperluan kenderaan dan kelengkapan komputer bagi

pasukan penguat kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)kata beliau ketika menyampaikan amanat dalam Program Cakna Madani bersama Perdana Men-

teri di sini semalam.

Perdana Menteri turut mengumumkan tiga inisiatif lain kepada pasukan penguat kuasa antaranya kajian bagi memperkasa organisasi dan menambah baik laluan kerjaya kepada pegawai dan anggota skim penguat kuasa.

Selain itu, kata beliau, mana-mana agensi yang berjaya mencapai kutipan hasil melebihi sasaran, dicadangkan pemberian dalam bentuk pemerkasaan peralatan, kelengkapan dan kemudahan yang diperlukan untuk melaksanakan tugas dengan lebih berkesan.

Beliau berkata, insentif pakaian seragam bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional ditambah baik kepada kaedah bekalan kemudahan pakaian seragam di enam agensi melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM5,502,780 setahun.